

TARIKH	AHAD, 14 OGOS 2022
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	CIPTA KIT MIKROBIOLOGI BANTU KENALI BENTUK KUMAN, VIRUS
M/S	19
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	TECHNOLOGY UTILIZATION

Kosmo! Ahad 14 OGOS 2022 [Momen] Panorama 19



LABEL disertakan pada piring-piring petri yang mengandungi imej virus.

mikroorganisma tersebut, Jamal berkata, beliau menyasarkan pelajar sekolah rendah, menengah dan universiti.

Jelasnya, kit pengajaran mikroorganisma tersebut didatangkan dengan imej-imej mikroorganisma, piring petri, pencelit, serbuk agar, panduan bertulis selain aplikasi tertentu seakan kod QR yang boleh diimbas untuk mengetahui data sesuatu mikroorganisma secara lebih terperinci.

Maka, daripada peralatan dalam kit itu juga, pengguna atau pelajar boleh melakukan ujian mudah untuk mengesan mikroorganisma di sekeliling rumah.

"Pengguna kit seperti pelajar sekolah boleh melakukan sendiri ujian mudah dengan panduan yang disediakan. Panduan perlu diikuti dengan teliti bagi memastikan ujian tidak melibatkan mikroorganisma yang berbahaya.

"Panduan untuk melupuskan ujian sendiri dengan selamat selepas dilakukan turut-diberikan. Kita memberikan sarung tangan untuk keselamatan," katanya.

Jelasnya lagi, bercerita tentang aspek penyampaian ilmu, sebagai seorang pensyarah mikrobiologi, beliau mengambil masa yang lama untuk mewujudkan aplikasi seakan kod QR dalam buku panduan kit tersebut.

Beliau memberitahu, menerusi data yang dibekalkan juga, kita boleh mengetahui bagaimana sesuatu kuman atau virus seperti Covid-19 dan influenza tersebar.

"Ia sama ada melalui rembesan air liur pembawa virus atau kontak dengan permukaan yang dicemari virus itu.



JAMAL (kiri) bersama pelajar-pelajar sekolah yang teruja dengan kit pengajaran mikrobiologi hasil idea beliau.

Pengguna kit seperti pelajar sekolah boleh melakukan sendiri ujian mudah dengan panduan yang disediakan. Panduan perlu diikuti dengan teliti bagi memastikan ujian tersebut tidak melibatkan mikroorganisma yang berbahaya."

"Mungkin selepas ini saya boleh bekerjasama dengan Fakulti Sains Komputer UTM untuk menaik taraf kod QR tersebut bagi menjadikan kit lebih baik dari aspek penerangan sesuatu mikroorganisma," katanya.

Menyentuh tentang promosi produk tersebut ke institusi-institusi pendidikan, beliau berkata, kit tersebut telah dibawa ke sekolah-sekolah sekitar Lembah Klang dan Pahang atas nama program *Genius Scientist Lab* baru-baru ini.

Lebih menarik, beliau berkata, anaknya sendiri yang masih bersekolah rendah menjadi jurucakap kepada produk tersebut.

"Ini memudahkan pelajar-pelajar sekolah untuk mengemukakan pertanyaan tentang sesuatu kerana boleh mengajukan soalan kepada seseorang sebaya mereka.

"Sambutan amat menggalakkan dalam kalangan pelajar sekolah kerana sebelum ini mereka terpaksa bersekolah secara dalam talian. Apabila berpeluang menyertai program bersemuka mereka amat teruja," katanya.

Jamal berkata, satu unit kit tersebut harganya hanya RM50 tetapi memberi manfaat kepada pembelinya.

Ujarnya lagi, dengan kos sedemikian ia amat berbaloi untuk dimiliki bukan saja kerana teknologi interaktif yang ditonjolkan, tetapi ilmu yang dipelajari mampu menyuntik minat generasi muda untuk menjadi saintis mahupun anggota penyiasatan lokasi jenayah (CSI).

"Ilmu mengenal pasti mikroorganisma amat penting jika generasi muda berminat untuk menjadi pakar perubatan mahupun farmasi.

"Ini kerana, mikroorganisma ini senang tersebar disebabkan sifatnya yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

"Lihat sahaja penyakit cacar monyet, influenza dan varian Covid-19 yang tersebar oleh manusia, ia memerlukan ilmu mikrobiologi untuk mengenal pasti kuman berbahaya ini," katanya.

Jamal menitipkan pesanan, Covid-19 dan mikroorganisma lain adalah ancaman kepada kemanusiaan, maka generasi muda hari ini perlu cakna dengan kebersihan diri dan persekitaran.



SAMPel-SAMPel bergambar virus yang terdapat dalam kit antaranya virus penyebab HIV (bawah kiri) dan taun (bawah dua dari kanan).

DISEDIAKAN OLEH	1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
------------------------	--